

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 MEI 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : Projek basmi miskin tegar dipantau, elak separuh jalan

Projek basmi miskin tegar dipantau, elak separuh jalan.

Projek basmi miskin tegar dipantau, elak separuh jalan



MUSTAPA (dua dari kanan) bersama penerima sumbangan, Nizam Md. Jenin, 41, (dua dari kiri) pada program BMTKM di Kampung Kuala Jerlun, Kedah semalam.

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

JERLUN – Keluarga miskin tegar yang dibantu dalam program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang bermula hujung bulan ini akan dipantau sehingga mereka berupaya keluar daripada kelompok kemiskinan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, sebanyak 180,009 keluarga miskin tegar di seluruh negara akan dibantu menerusi program itu.

Katanya, keluarga terlibat akan dibantu dalam meningkatkan pendapatan menerusi bidang atau kemahiran masing-masing seperti pertanian, jahi-

tan, perniagaan atau nelayan.

"Ini bukan program baharu, tetapi bezanya sekarang ini adalah kita lakukan secara bersepadu dan holistik melibatkan semua pihak termasuk kerajaan negeri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan universiti.

"Ia juga akan dipantau rapi oleh pihak tertentu seperti penghulu dan imam. Sebagai contoh, mereka perlu pastikan bot nelayan yang diberi tidak dijual dan jika ia berlaku, tindakan sewajarnya boleh diambil," katanya sempena lawatan turun padang bagi Program BMTKM di Pejabat Daerah Jerlun (Daerah Kecil) di sini semalam.

Selain itu, katanya, projek dilakukan peserta juga akan dipas-

tan dapat memberikan keun-

tungan dan tidak membebankan. "Program ini dilakukan secara holistik, kita akan gunakan kepakaran universiti, misalnya Universiti Utara Malaysia selain syarikat teknologi maklumat untuk tawar khidmat percuma bagi membantu peserta termasuk memasarkan produk mereka.

"Kita juga akan galakkan mereka buat simpanan serta membuka akaun bank serta Tabung Haji untuk menyimpan sebahagian keuntungan yang diperoleh daripada projek dilakukan," ujarnya.

Mustapa memberitahu, kelangsungan program berkenaan penting dalam memenuhi hasrat kerajaan untuk menghapuskan miskin tegar menjelang 2025.